


SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2008/2009

NAMA MATA PELAJARAN : SOSIOLOGI PANDIDIKAN
DALAM PTV

KOD MATA PELAJARAN : MBE 1043

KURSUS : SARJANA PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL 2009

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN DI
BAHAGIAN A DENGAN
MENGUNAKAN BORANG OMR
DAN JAWAB **TIGA** SOALAN
SAHAJA DI BAHAGIAN B
MENGUNAKAN KERTAS
JAWAPAN DISEDIKAN.
SILA IKAT KERTAS SOALAN
BERSAMA-SAMA KERTAS
JAWAPAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1 Perkembangan ilmu sosiologi berpunca daripada
- A perubahan masyarakat yang menjadi lebih maju.
 - B kesedaran mengenai peraturan dalam masyarakat yang bertambah.
 - C trend disiplin akademik yang mementingkan ilmu berasaskan kajian saintifik.
 - D kesedaran mengenai pembahagian ekuiti, akibat industrialisasi serta pembahagian tugas.
- S2 Yang manakah lebih tepat mengenai takrifan sosiologi?
- A Kajian mengenai struktur organisasi sesuatu kelompok manusia.
 - B Kajian mengenai interaksi manusia yang berlaku secara semula jadi.
 - C Kajian terhadap pola tingkahlaku manusia dalam sesuatu kelompok yang besar.
 - D Kajian mengenai cara manusia berfikir untuk membentuk kelompok manusia yang stabil.
- S3 Sosiologi bersifat sains kerana
- A fenomena alam fizikal telah diuji mengenai kebenarannya.
 - B fenomena cara hidup manusia adalah hasil eksperimen ahli sains.
 - C fenomena biologi telah diuji semula dan keputusannya adalah sama.
 - D fenomena tingkah laku manusia merupakan generalisasi yang telah diuji.
- S4 Perkataan sosiologi adalah gabungan di antara perkataan sosio dan logi. Yang manakah paling tepat mengenai perkataan sosio?
- A Berasal daripada perkataan Inggeris, 'socio' bermaksud sosial.
 - B Berasal daripada perkataan Latin, 'socio' bermaksud berkongsi.
 - C Berasal daripada perkataan Latin, 'socio' bermaksud masyarakat.
 - D Berasal daripada perkataan Yunani, 'socio' bermaksud berkongsi.
- S5 Tokoh berikut dianggap sebagai bapa ilmu sosiologi.
- A Karl Marx.
 - B Lester F. Ward.
 - C Auguste Comte.
 - D Herbert Spencer.

- S6 **Siapakah penulis buku *Dynamic Sociology* dalam tahun 1874?**
- A **Karl Marx.**
 - B **Lester F. Ward.**
 - C **Auguste Comte.**
 - D **Herbert Spencer.**
- S7 **Auguste Comte dalam tahun 1842 telah menghasilkan buku yang berkaitan dengan bidang sosiologi berjudul**
- A ***The Positive Sociology.***
 - B ***The Positive Philosophy.***
 - C ***The Positive Psychology.***
 - D ***The Positive Anthropology.***
- S8 **Tiga teori, perspektif atau aliran utama dalam ilmu Sosiologi adalah**
- A. **Fungsionalisme Interaksi, Interaksi Psikologi dan Konflik.**
 - B. **Interaksi Simbolik, Dinamika Organisme dan Fungsi Struktur.**
 - C. **Fungsionalisme Struktur, Interaksionisme Simbolik dan Konflik.**
 - D. **Fungsionalisme Simbolik, Interaksionisme Struktur dan Konflik.**
- S9 **Teori fungsionalisme dalam bidang sosiologi diperkenalkan oleh**
- A **Merton dan Dewey.**
 - B **Mills dan Durkheim.**
 - C **Max Weber dan Karl Marx.**
 - D **Herbert Spencer dan Emile Durkheim.**
- S10 **Idea mengenai teori interaksionisme diperkenalkan oleh**
- A **Blumer.**
 - B **Karl Marx.**
 - C **Max Weber.**
 - D **George Herbert Mead.**

- S11 Contoh yang paling sesuai mengenai teori interaksionisme dalam organisasi pendidikan ialah
- A kekananan guru dihormati.
 - B mematuhi arahan pengetua.
 - C peranan guru disiplin dan guru bimbingan.
 - D peranan ibu bapa terhadap kemajuan pendidikan pelajar.
- S12 Sosiologi pendidikan mendapat tempat dalam dunia akademik kerana
- A kepentingan untuk bersaing antara institusi pendidikan.
 - B kepentingan memahami masyarakat institusi pendidikan.
 - C kepentingan untuk pembaharuan dan pembangunan institusi pendidikan.
 - D kepentingan untuk meningkatkan prestasi pengurusan dan pentadbiran institusi pendidikan.
- S13 Contoh fenomena kehidupan manusia dalam kumpulan adalah seperti
- A adat, resam, tradisi, dan nilai.
 - B undang-undang, adat, resam dan tradisi.
 - C peraturan, undang-undang, adat dan resam.
 - D kepercayaan, peraturan, undang-undang dan adat.
- S14 Penyebaran kebudayaan dilakukan oleh pendidikan kerana
- A media massa tidak menyebarkan kebudayaan sebenar.
 - B rakan sebaya amat mempengaruhi nilai-nilai hidup para remaja.
 - C tiada lagi pengaruh ibu bapa dalam nilai hidup anak yang meningkat dewasa.
 - D masyarakat meyakini dan menyetujui bahawa sosialisasi utama perlu dilakukan secara massa.
- S15 Pengagihan dan penyusunan lapis sosial tidak mungkin berlaku disebabkan
- A institusi pendidikan mengamalkan proses pengaliran.
 - B pengajaran dan pembelajaran diatur mengikut pengkhususan.
 - C pencapaian pelajar bergantung kepada sifat dan kebolehan tersendiri.
 - D dasar dan perancangan pendidikan negara dilakukan semata-mata mengikut kehendak kerajaan.

- S16 Alasan paling baik kenapa pengagihan dan penyusunan lapis sosial dilakukan oleh pendidikan ialah kerana
- A pendidikan melibatkan setiap lapisan masyarakat.
 - B pendidikan merupakan institusi sosial yang terbesar dalam negara.
 - C pendidikan merupakan agensi sosial yang mendapat peruntukan belanjawan terbanyak.
 - D pendidikan terlibat secara langsung dalam keseluruhan rancangan pembangunan negara.
- S17 Satu daripada ciri berikut bukan merupakan struktur dan organisasi institusi pendidikan.
- A Organisasi berhieraki milik awam.
 - B Mempunyai peraturan dan dasar yang jelas.
 - C Memikul tanggungjawab sosial yang besar.
 - D Bertindak mendidik dan melatih secara rejimen.
- S18 Ciri sistem pendidikan yang dianggap sebagai bukan institusi sosial ialah
- A apabila guru-guru ditukar berdasarkan keperluan gunatenaga, kelayakan dan kemahiran.
 - B apabila peranan pentadbir dan guru kerap meliputi sebagai pemimpin masyarakat.
 - C apabila pelajar dan ibu bapa terlibat bersama dalam perkembangan dan pembangunan institusi pengajian berkenaan.
 - D apabila matlamat sistem pendidikan secara amnya adalah untuk mencapai kemakmuran dan kesejahteraan seluruh rakyat.
- S19 Ciri-ciri birokrasi dalam pengurusan organisasi tidak mengamalkan
- A sikap berkecuali dan tidak pilih kasih.
 - B membahagi tugas kerja kepada yang pakar.
 - C bersimpati dengan yang lemah dan kekurangan.
 - D mendokong dasar, undang-undang dan peraturan.

- S20 Ideologi negara dapat dikembangkan oleh pendidikan kecuali dengan menggunakan
- A mata pelajaran agama diwajibkan kepada semua pelajar.
 - B penerapan budaya ilmu mengikut acuan negara tersendiri.
 - C mengamalkan nyanyian lagu-lagu patriotik dalam perhimpunan berkala.
 - D memberi unsur kesetiaan kepada raja dan corak pemerintahan dalam kurikulum.
- S21 Apakah tujuan utama kerajaan mewujudkan 'Dasar Ekonomi Baru'?
- A Menghapuskan kelas sosial dalam masyarakat.
 - B Memberi peluang perniagaan kepada semua kaum.
 - C Memberi peluang pendidikan ke peringkat tertinggi.
 - D Mengurangkan jurang perbezaan taraf sosioekonomi antara kaum.
- S22 Antara berikut yang bukan faktor mobiliti sosial ialah
- A kemahiran atau bakat.
 - B pangkat dan anugerah.
 - C keputusan pilihanraya.
 - D kebolehan menggunakan pelbagai bahasa.
- S23 Mobiliti sosial mudah dicapai melalui pendidikan kerana
- A pencapaian pendidikan seseorang itu sentiasa cemerlang.
 - B jenis pekerjaan tidak memerlukan kelayakan pendidikan yang tinggi.
 - C jenis pekerjaan berkelayakan tinggi dibayar pulangan gaji yang tinggi.
 - D kelayakan pendidikan menentukan tahap, jenis pekerjaan dan seterusnya pendapatan.
- S24 Stratifikasi sosial wujud apabila terdapat perbezaan kedudukan dalam masyarakat kecuali berdasarkan aspek
- A status.
 - B ekonomi.
 - C keturunan.
 - D pandangan hidup.

- S25 Faktor persekitaran yang tidak menyekat pencapaian pendidikan secara langsung ialah
- A emosi keluarga yang banyak bermasalah.
 - B saiz dan beban besar tanggungan keluarga.
 - C tahap kependudukan tempat tinggal yang tinggi.
 - D budaya sekolah dan persekitaran pembelajaran yang tidak memberangsang.
- S26 Satu kenyataan berikut bukan nilai pelajar anak kelas sosial pertengahan.
- A Mempunyai motivasi yang tinggi untuk berjaya kerana contoh keluarga.
 - B Jika tercabar sanggup menggunakan keagresifan fizikal untuk meluahkan rasa hati.
 - C Sanggup menanggukkan keperluan dan keinginan masa ini untuk ganjaran akan datang.
 - D Berusaha untuk cemerlang dalam pelajaran supaya dapat memperolehi pekerjaan yang berkedudukan tinggi.
- S27 Aspirasi atau harapan sekolah tidak sentiasa
- A membawa kesan positif terhadap prestasi akademik pelajar.
 - B memupuk suasana persaingan yang menghasilkan pencapaian tinggi.
 - C bergantung kepada wawasan dan budaya yang diterap pihak pengurusan.
 - D memberi petunjuk tahap komitmen untuk sekolah mencapai kecemerlangan.
- S28 Berikut adalah peranan rakan sebaya, kecuali
- A sebagai pengganti keluarga.
 - B sebagai menunjuk nilai komitmen dalam persahabatan.
 - C sebagai penyokong kepada emosi dan kehidupan sosial.
 - D sebagai tempat meluahkan perasaan dan menyelesaikan masalah.
- S29 Pendidikan perlu memupuk perpaduan kerana khususnya dapat
- A meningkatkan imej sebagai negara maju.
 - B menentukan penjana ekonomi meningkat.
 - C menjamin keamanan bagi pembangunan negara.
 - D menggalakkan perubahan sebagai keperluan pembangunan.